

PM temui Bush di AS 19 Julai

KUALA LUMPUR 6 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat, George Bush semasa lawatan kerja tiga hari ke negara itu mulai 18 Julai ini.

Lawatan itu, atas jemputan Bush, bertujuan memperkukuh hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan juga untuk bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra, Abdullah dijangka bertemu Bush di White House pada tengah hari 19 Julai.

Ini pertemuan pertama kedua-dua pemimpin itu sejak Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri 31 Oktober lepas dan sejak Malaysia mengambil alih kepimpinan Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Selain bertemu Bush, Perdana Menteri juga dijangka menerima kunjungan beberapa anggota pentadbiran Bush pada sebelah pagi 19 Julai.

Semasa di Amerika, Abdullah juga akan bertemu dengan penuntut Malaysia yang berada di kawasan Washington D.C dan berucap pada majlis makan malam anjuran Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-ASEAN (USABC).

Perdana Menteri akan diiringi oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar serta beberapa pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri dan Wisma Putra.

Abdullah akan pulang dari Washington D.C pada pagi 20 Julai. — Bernama